

PERADUAN SERATUS SEJAM

TERMA & SYARAT

1. Peraduan “Seratus Sejam” (“Peraduan”) ini dianjurkan oleh Etika Sdn. Bhd. (17296-P) (“Penganjur”) dan terbuka kepada semua warganegara Malaysia (setiap “Peserta” dan secara kolektif “Para Peserta”). Penganjur berhak untuk meminta dokumen pengenalan sebagai bukti dan untuk tujuan pengesahan identiti Peserta. Golongan individu berikut adalah terkecuali:
 - a. Rakyat Malaysia yang berumur di bawah umur 18 tahun (pada 15 Oktober 2019); atau
 - b. Kakitangan Penganjur (termasuk syarikat yang bersekutu dan berkaitan dengannya) dan ahli keluarga terdekat mereka (anak, ibu bapa, abang, kakak dan adik, termasuk pasangan); atau
 - c. Wakil, kakitangan, pekerja dan/atau ejen pengiklanan dan/atau penyedia khidmat promosi Penganjur (termasuk syarikat yang bersekutu dan berkaitan dengannya) dan ahli keluarga terdekat mereka (anak, ibu bapa, abang, kakak dan adik, termasuk pasangan).
2. Peraduan ini akan berlangsung dari 15 Oktober 2019 hingga 15 Disember 2019 (“Tempoh Peraduan”). Pihak Penganjur berhak menurut budi bicara mutlaknya untuk mengubah, menangguhkan, menjadualkan semula dan/atau melanjutkan Tempoh Peraduan dan/atau membatalkan/menamatkan Peraduan pada bila-bila masa atau melanjutkan Tempoh Peraduan tanpa memberi sebarang notis terlebih dahulu dan tanpa sebab tanpa liabiliti kepada mana-mana pihak. Semua penyertaan yang diterima di luar Tempoh Peraduan secara automatik akan terbatal. Peraduan ini akan diadakan selama lapan (8) Minggu Peraduan seperti berikut:
 - a. Minggu Peraduan 1: 15 Oktober 2019 - 24 Oktober 2019;
 - b. Minggu Peraduan 2: 25 Oktober 2019 - 31 Oktober 2019;
 - c. Minggu Peraduan 3: 01 November 2019 - 07 November 2019;
 - d. Minggu Peraduan 4: 08 November 2019 - 14 November 2019;
 - e. Minggu Peraduan 5: 15 November 2019 - 21 November 2019;
 - f. Minggu Peraduan 6: 22 November 2019 - 28 November 2019;
 - g. Minggu Peraduan 7: 29 November 2019 - 05 Disember 2019;
 - h. Minggu Peraduan 8: 06 Disember 2019 - 15 Disember 2019.
3. Jenama-jenama PepsiCo dan Etika yang turut serta dalam Peraduan ini adalah Pepsi, Tropicana Twister, Mountain Dew, Revive Isotonik, Calpis, Lipton, 7Up, Mirinda, Kickapoo, MUG, dalam botol 350ml/355ml/400ml/450ml/500ml/1L/1.25L/1.5L (“Produk Yang Turut Serta”).
4. Untuk menyertai Peraduan:
 - a. Para Peserta dikehendaki membeli SATU (1) Produk Yang Turut Serta di mana-mana kedai yang turut serta dalam Tempoh Peraduan. Setiap resit yang sah melayakkan Peserta untuk menghantar satu (1) penyertaan WhatsApp dan Peserta akan menerima satu (1) penyertaan Peraduan secara automatik.
 - b. Hantar butiran berikut melalui WhatsApp ke 012-2318300, iaitu talian telefon khas yang disediakan oleh Penganjur HANYA untuk menerima penyertaan yang dihantar oleh Peserta:
 - i. Taip ETIKA<jarak>nombor resit 5 digit terakhir<jarak>tarikh resit HHBBTT<jarak>nombor KP 12 digit<jarak>nama
 - i. Contoh: ETIKA 23699 251019 901020145566 Alia Salleh
 - c. Simpan resit bercetak asal yang sah bertarikh dalam Tempoh Peraduan dengan butiran resit yang sepadan dengan penyertaan WhatsApp sebagai bukti pembelian (“Bukti Pembelian”).

- d. Para Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan WhatsApp yang diinginkan tetapi setiap penyertaan mesti disertakan dengan butiran yang diperlukan dan Bukti Pembelian yang berlainan bagi setiap penyertaan.
- e. Para Peserta tidak dibenarkan untuk menghantar lebih daripada satu (1) penyertaan WhatsApp dengan Bukti Pembelian yang sama kepada pihak Penganjur.
- f. Hanya resit-resit bercetak asal dan sah akan diterima. Salinan resit dan resit cetak semula tidak akan diterima. Resit-resit yang sukar dibaca, rosak, diubah, disalin semula, diperolehi secara tidak sah, tersalah cetak dan/atau tidak mengandungi maklumat yang diperlukan adalah tidak sah dan tidak akan diterima. Pihak Penganjur mempunyai budi bicara mutlak dan hak untuk membatalkan kelayakan resit-resit tidak sah tersebut.
- g. Setiap Hari Peraduan akan bermula pada jam 12:00 pagi dan berakhir pada jam 11:59 malam, sepanjang Tempoh Peraduan.
- h. Memandangkan talian 012-2318300 adalah talian khas yang disediakan oleh Penganjur, TIADA perakuan penerimaan akan dihantar oleh Penganjur berkaitan semua Penyertaan yang dikemukakan/dihantar oleh Peserta kepada Penganjur melalui WhatsApp. Sebarang pertanyaan/panggilan melalui talian ini tidak akan dilayan.
- i. Caj SMS biasa dikenakan dan dibayar oleh para peserta. Pihak Penganjur tidak akan membayar balik kepada Peserta apa-apa caj yang dikenakan untuk menghantar penyertaan, jika ada.
- j. Para Peserta hanya boleh menyertai Peraduan ini melalui telefon bimbit sahaja.
- k. Pihak Penganjur dan syarikat-syarikat yang terlibat dalam Peraduan ini tidak akan dipertanggungjawabkan untuk sebarang kelewatan, kegagalan penghantaran dan/atau gangguan mesej WhatsApp dan tidak akan dipertanggungjawabkan untuk sebarang penggunaan telefon bimbit atau akaun pelanggan yang tidak dibenarkan sepanjang Peraduan ini.

5. Cara pemilihan pemenang (1 pemenang x 24 jam x 62 hari):

- a. Minggu Peraduan 1 hingga 3: Pemenang Hadiah Setiap Jam yang layak akan ditentukan berdasarkan penyertaan layak ke-20 yang diterima dalam jam tersebut.
- b. Minggu Peraduan 4 hingga 5: Pemenang Hadiah Setiap Jam yang layak akan ditentukan berdasarkan penyertaan layak ke-10 yang diterima dalam jam tersebut.
- c. Minggu Peraduan 6 hingga 8: Akan dikemaskinikan sebelum Minggu Peraduan bermula.
- d. Para pemenang yang layak akan dihubungi melalui telefon dan dikehendaki menjawab satu soalan dengan betul sebelum boleh disahkan sebagai pemenang. Sekiranya Peserta gagal menjawab soalan dengan betul, pihak Penganjur berhak untuk membatalkan kelayakannya dan memilih Peserta seterusnya sebagai pemenang. Sekiranya Peserta tidak dapat dihubungi pada cubaan pertama, contohnya, tidak menjawab telefon, nombor telefon tiada dalam perkhidmatan, tiada sambungan, dan lain-lain, dua (2) cubaan lain akan dibuat lagi dalam tempoh 24 jam yang berikutnya selepas cubaan pertama. Sekiranya percubaan-percubaan ini tidak berhasil, kelayakan Peserta akan dibatalkan. Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya Peserta-peserta tidak dapat dihubungi atas sebarang sebab.
- e. Para pemenang yang layak dikehendaki menghantar semua Bukti Pembelian, salinan Kad Pengenalan dan butiran akaun bank untuk pemindahan dalam talian bank untuk hadiah tunai, melalui Pos Laju/kurier dalam tempoh tiga (3) hari bekerja selepas tarikh pemberitahuan. Sekiranya gagal, kelayakan pemenang tersebut akan dibatalkan. Pihak Penganjur tidak akan menanggung sebarang kos penghantaran yang dikenakan ke atas pemenang.

6. Hadiah-hadiah Peraduan:

- a. Hadiah Setiap Jam x 1,488: Wang tunai RM100 setiap satu.
- b. Setiap Peserta hanya layak untuk memenangi satu (1) hadiah sepanjang Tempoh Peraduan.
- c. Hadiah-hadiah yang gagal dituntut dalam tempoh enam puluh (60) hari kalendar dari tarikh pemberitahuan akan dibatalkan. Tiada surat-menyurat atau tuntutan akan dilayan

- sekiranya berlaku pembatalan. Peserta yang hadiahnya dibatalkan tidak berhak menerima apa-apa bayaran atau pampasan daripada pihak Penganjur.
- d. Pihak Penganjur berhak, mengikut budi bicara mutlak, untuk menggantikan hadiah dengan hadiah-hadiah lain yang lebih kurang sama nilainya tanpa sebarang notis. Semua hadiah tidak boleh ditukar milik, dikembalikan atau ditukar dalam apa jua bentuk lain atas apa jua sebab. Nilai hadiah adalah betul pada masa pencetakan. Semua hadiah diberikan dalam 'keadaan sedia ada'.
7. Semua kos peribadi dan/atau sebarang kos, yuran dan/atau perbelanjaan lain yang berkaitan untuk Peraduan dan untuk menebus hadiah adalah tanggungjawab Peserta dan pemenang sepenuhnya.
 8. Para Peserta akan menanggung liabiliti dan tanggungjawab sepenuhnya jika berlaku sebarang liabiliti, kemalangan, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kematian) akibat penyertaan mereka di dalam Peraduan, acara, penebusan dan/atau penggunaan hadiah-hadiah dan bersetuju untuk melepaskan dan memegang pihak Penganjur bebas daripada sebarang liabiliti.
 9. Dengan menyertai Peraduan ini, para Peserta memberi keizinan untuk memberi maklumat peribadinya dan pihak Penganjur berhak menyiarkan, menggunakan nama dan/atau gambar pemenang serta penyertaan mereka untuk tujuan publisiti, pengiklanan dan/atau perdagangan tanpa sebarang bayaran pampasan mahupun pemberitahuan dan setiap Peserta tidak berhak membuat sebarang tuntutan ke atas penggunaan penyertaan tersebut oleh pihak Penganjur.
 10. Dengan menyertai Peraduan ini, para Peserta bersetuju dan mengakui bahawa semua hak harta intelek akan dimiliki oleh pihak Penganjur.
 11. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta mengizinkan pihak Penganjur untuk memproses maklumat peribadi Peserta yang diberikan dalam penyertaan yang dihantar untuk tujuan Peraduan termasuk untuk penggunaan tanpa had dalam laman web.
 12. Pihak Penganjur mengumpul maklumat peribadi yang boleh dikenal pasti untuk memberi perkhidmatan-perkhidmatan atau untuk berhubung dengan Peserta. Maklumat ini disimpan oleh pihak Penganjur dalam kaedah yang sesuai dengan data tersebut dan digunakan untuk memenuhi permintaan Peserta. Dengan mengemukakan maklumat peribadi Peserta, pihak Penganjur menganggap bahawa keizinan telah diberi kepada pihak Penganjur dan/atau agen-agen yang dilantik olehnya untuk menggunakan maklumat ini bagi tujuan pemasaran dan promosi yang terkini dan di masa hadapan serta untuk menambahbaik produk-produk dan perkhidmatannya. Sekiranya Peserta memaklumkan pihak Penganjur bahawa maklumat tersebut tidak patut digunakan sebagai asas untuk hubungan seterusnya, pihak Penganjur akan menghormati permintaan Peserta. Maklumat Peserta tidak akan diberi atau dikongsi dengan syarikat-syarikat/rakan-rakan lain untuk kegunaan bebas mereka.
 13. Di bawah undang-undang Malaysia, hak-hak Peserta termasuk:
 - a. Hak untuk menarik balik keizinan untuk penggunaan maklumat peribadinya pada bila-bila masa dengan menghubungi pihak Penganjur melalui khidmat pelanggannya di 1 300 30 1300 dan memaklumkan pihak Penganjur nama dan alamat emel Peserta supaya pihak Penganjur boleh mengeluarkannya;
 - b. Hak untuk mendapatkan satu salinan maklumat peribadi yang dipegang oleh pihak Penganjur mengenai Peserta (pihak Penganjur berhak untuk mengenakan bayaran kecil untuk menjalankan hak ini);
 - c. Hak untuk membetulkan maklumat peribadi salah yang dipegang oleh pihak Penganjur mengenai Peserta.

14. Pihak Penganjur mengambil langkah berjaga-jaga untuk menyimpan maklumat peribadi Peserta secara selamat. Sila maklum, walaubagaimanapun, pihak Penganjur mungkin melepaskan maklumat peribadi Peserta sekiranya diperlukan berbuat demikian oleh undang-undang, atau oleh waran geledah, sepina atau perintah mahkamah.
15. Undang-undang Malaysia akan mengawal Peraduan ini. Peraduan ini adalah tidak sah jika dilarang atau dihadkan oleh mana-mana undang-undang tempatan, negara, negeri, atau kerajaan. Peraduan ini juga tertakluk kepada Terma dan Syarat ini.
16. Apa-apa peruntukan dalam Terma dan Syarat yang dianggap tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan atas apa-apa sebab oleh mana-mana mahkamah, jabatan kerajaan, badan atau tribunal, atau di mana-mana bidang kuasa yang berkenaan akan tidak berkesan setakat tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan dan tidak akan membatalkan atau menyebabkan peruntukan yang tidak terjejas tidak boleh dikuatkuasakan dan sekiranya mana-mana peruntukan dipegang tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan dalam bidang kuasa yang berkenaan, peruntukan itu tidak boleh dibatalkan atau diberikan tidak boleh dikuatkuasakan dalam mana-mana bidang kuasa lain.
17. Pihak Penganjur berhak pada bila-bila masa mengikut budi bicara tunggal dan mutlaknya untuk menentukan dan/atau meminda atau mengubah Terma dan Syarat ini tanpa notis terlebih dahulu, termasuk tetapi tidak terhad kepada pembatalan, pelanjutan, penamatan atau penangguhan Peraduan ini, syarat kelayakan dan kriteria, pemilihan dan bilangan pemenang, dan jadual mana-mana tindakan yang akan dilakukan, dan semua Peserta akan terikat dengan pindaan ini.
18. Dengan menyertai Peraduan ini, para Peserta harus bersetuju untuk mematuhi Terma dan Syarat rasmi yang ditetapkan serta segala keputusan pihak Penganjur.
19. Keputusan pihak Penganjur adalah muktamad. Sebarang surat-menyurat, rayuan dan panggilan tidak akan dilayan.